



7.1.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BERI GANJARAN KEPADА PBAPP UNTUK PRESTASI CEMERLANG DALAM TAHUN 2018

- **PBAPP terima pengiktirafan negeri untuk kemenangan 4 anugerah penting.**
- **Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow sampaikan cek RM20,000 kepada PBAPP.**

PULAU PINANG, Isnin, 7.1.2019: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menerima insentif tunai daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk prestasi cemerlangnya pada 2018, menerusi kemenangan 4 anugerah penting.

Ketua Menteri YAB Tuan Chow Kon Yeow menyampaikan replika cek RM20,000 pagi ini ketika “Majlis Perhimpunan Penjawat Awam bersama YAB Ketua Menteri” di Grand Ballroom, The Top, Aras 5, Komtar.

Insentif negeri telah disampaikan kepada PBAPP kerana memenangi anugerah berikut tahun lepas:

1. Anugerah Emas (Kelas I) Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH) untuk Loji Rawatan (LRA) Air Batu Ferringhi dan LRA Bukit Toh Allang;
2. Anugerah Pencapaian Industri Air Persatuan Air Malaysia (MWA) untuk “Loji Rawatan Air Terbaik”, yang mengiktiraf pencapaian kejuruteraan air di LRA Sungai Dua;
3. Anugerah Kecemerlangan Q-Radar 2018 – Pengurusan Risiko



Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

Enterprise, Pengurusan Kesinambungan Perniagaan; dan

4. Anugerah Kecemerlangan Makmal Institut Kimia Malaysia (IKM) bagi Makmal Pusat PBAPP, LRA Sungai Dua.

INSENTIF MENCERMINKAN PERMULAAN YANG BAIK UNTUK 20 TAHUN PERKHIDMATAN PBAPP

Bagi pihak pengurusan dan kakitangan PBAPP, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mengiktiraf prestasi PBAPP sebagai syarikat berkaitan kerajaan negeri.

2019 menandakan perkhidmatan ke-20 PBAPP di Negeri Pulau Pinang. Insentif negeri ini akan mendorong kami untuk terus berkhidmat untuk Pulau Pinang dengan baik, demi kepentingan rakyat.

PBAPP telah dikorporatkan pada tahun 1999 untuk mengurus perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang secara profesional, bertanggungjawab, berkesan dan cekap.

Sejak itu, purata penggunaan air Pulau Pinang meningkat sebanyak 18.0%, dari 700 juta liter sehari (MLD) pada tahun 1999 kepada 826 MLD pada tahun 2018.

Sementara itu, pangkalan pelanggan kami meningkat sebanyak 78.6%, daripada 338,523 pengguna air pada tahun 1999 kepada 604,547 pengguna air pada tahun 2018.

Walau bagaimanapun, PBAPP telah berjaya mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang berterusan di Pulau Pinang dalam tempoh dua dekad yang lalu.

Pencapaian utama kami pada 2018, sebagai organisasi kejuruteraan bekalan air, termasuk:

- Tiada catuan air;
- Liputan 100.0% bekalan di bandar dan 99.8% bekalan di kawasan luar bandar;
- Perkhidmatan bekalan air 24/7;



- Margin rizab rawatan air 34.8%, yang tertinggi di Malaysia;
- Kualiti air yang terawat melebihi keperluan yang ditetapkan mengikut Parameter Jaminan Kualiti (QAP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, Malaysia; dan
- Tarif air terendah di Malaysia untuk penggunaan domestik 35,000 liter pertama.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBABH) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



